

**1. Jelaskan tujuh faktor penyumbang kepada perubahan kebudayaan masyarakat Prasejarah.**

**A. Pengenalan ( 3 Markah )**

1. Konsep Prasejarah
2. Kehidupan manusia yang kian mampu menyesuaikan dengan persekitaran

**B. Faktor – faktor Penyumbang Perubahan Kebudayaan Masyarakat Prasejarah**

**( 7 X 3M =21M )**

1. Pencairan ais / perubahan iklim – kewujudan sungai – pembinaan petempatan – kewujudan rumah bersifat kekal – kemunculan pemimpin – masyarakat menjalankan aktiviti pertanian.
2. Kewujudan petempatan kekal – asas kepada perkampungan – pertambahan penduduk – produktiviti – terbentuk bandar
3. Aktiviti pertanian – berpunca penemuan tanah lanar – penghasilan makanan sendiri – kebergantungan terhadap persekitaran mulai berkurangan
4. Lebihan pengeluaran – berlaku aktiviti perdagangan – sistem barter – wujud juga amalan pengkhususan kerja dalam masyarakat
5. Peningkatan teknologi – penciptaan alatan – mementingkan fungsi dan kualiti – memudahkan kehidupan – meningkatkan produktiviti – cangkul – bajak – roda – saluran
6. Perubahan persepsi beragama – amalan ritual – penyembahan dewa – dewi – upacara pengorbanan - mengelak bencana – kesuburan tanaman
7. Kewujudan organisasi sosial – kewujudan kelas pemerintah dan golongan yang diperintah – tanggungjawab tertentu – agihan tugas
8. Pengkhususan kerja – berdasarkan jantina dan kemahiran
9. Pertambahan penduduk – migrasi – kadar kelahiran – produktiviti – punca urbanisasi – bandar – Jericho – Jarmo – Catal Huyuk

**C. Kesimpulan ( 1 Markah )**

1. Perubahan yang berlaku khususnya pada zaman Neolitik – asas kewujudan tamadun manusia.

**2. Merujuk kepada empayar di China, huraikan ciri - ciri yang terdapat dalam empayar tersebut.**

**A. Pengenalan ( 3 Markah )**

1. Pengertian / penjelasan konsep empayar
2. Latar belakang dan kemunculan empayar - empayar di China

**B. Ciri - ciri Empayar di China ( 7 X 3M = 21 Markah )**

1. Pemusatan kuasa di tangan pemerintah - Shih Huang Ti - mengambil kuasa golongan feodal - semua wilayah China disatukan - Shih Huang Ti individu pertama menggunakan gelaran maharaja - Liu Pang mengisytiharkan diri sebagai Maharaja dengan gelaran Han Kao Tsu
2. Kewujudan birokrasi sistematik - birokrat merupakan golongan cerdik pandai - lulus peperiksaan awam - penubuhan jabatan - jabatan membantu urusan pentadbiran - pentadbiran di peringkat pusat diperkukuhkan - peringkat wilayah diserahkan kepada pemimpin tempatan atau wakil peringkat pusat
3. Kekuatan tentera - zaman Dinasti Han meliputi Sin Kiang, Lembah Sungai Tarim dan Tuton di bahagian utara China, kawasan lembah Yang Tze, Kwangsi dan Kwangtung - menguasai juga Vietnam Utara, Korea Utara dan Mongolia - mempunyai benteng pertahanan yang kukuh - tentera yang pelbagai - penggunaan kepelbagaian strategic
4. Pelaksanaan dasar hubungan diplomatik - mengukuhkan kekuasaan - berjaya menghentikan pemberontakan golongan Hsiung nu - mengukuhkan ekonomi - memajukan Jalan Sutera - hubungan dengan India dan Rom
5. Melaksanakan sistem naungan ekonomi - bertujuan meluaskan pengaruh - zaman Dinasti Ming - kerajaan Melaka menghantar utusan mohon pengiktirafan - memperoleh kepentingan dari sudut ekonomi
6. Melaksanakan sistem perundangan yang - bertujuan mengekalkan kestabilan politik - zaman Dinasti Chin - fahaman legalisme menjadi dasar perundangan - zaman Dinasti Han - pemerintahan dan undang - undang berasaskan fahaman Confucianisme
7. Keseragaman ekonomi - zaman Dinasti Chin - segala unit ekonomi disatukan - penyeragaman sistem sukat dan sistem ukur.

**C. Kesimpulan ( 1 Markah )**

1. Apa - apa yang berkaitan

### **3 Bincangkan tujuan peperangan dalam Tamadun Rom dan strategi peperangan yang dilaksanakan.**

#### **A. Pendahuluan ( 3 markah )**

- Latar belakang Rom
- Konsep ketahanan dan pertahanan.

#### **B. Tujuan peperangan ( 8 markah : 4 isi x 2 markah )**

1. Memperluaskan tanah jajahan
  - untuk menguasai sumber-sumber ekonomi dan pusat perdagangan
  - mengatasi pemberontakan dan memperkukuhkan kuasa dan kedudukan
2. Melindungi sempadan-sempadan daripada serangan musuh
  - Boleh menyebabkan keruntuhan empayar
3. Menguasai jalan-jalan darat, laut dan sungai
  - penting dari segi strategi politik, tentera serta perdagangan
4. Memulihkan keamanan dan kestabilan politik
  - berikutan persaingan politik, perebutan kuasa, dan perang saudara.
5. Untuk mendapat kemegahan, maruah, dan kepuasan.
  - Contohnya serangan Rom ke atas Greek.

#### **C. Strategi Peperangan ( 6 isi x 2m = 12 m)**

1. Pengawalan laut Mediterranean untuk menjamin kebebasan pergerakan tentera Rom.
2. Mengawal ketat sempadan-sempadan semula jadi seperti sungai, gunung dan laut
  - Mengelak musuh menyusup masuk ke empayar.
  - Menubuhkan pasukan Praetorian Guard
3. Dasar pembendungan musuh seperti jalinan kerjasama dengan jiran-jiran musuh Rom.
4. Membina bandar yang turut berfungsi sebagai pangkalan tentera di merata-rata empayar
  - Memudahkan pergerakan tentera Rom
5. Membina koloni tentera di sempadan Rom
  - Tujuan pertahanan daripada pencerobohan musuh
  - Diuruskan oleh kem komandan
6. Membina jaringan jalan raya di seluruh empayar Rom
  - mempercepatkan gerakan tentera Rom.
7. Penyerangan dan Pengepungan
  - Askar dibahagi kepada kumpulan yang kecil seperti subseksyen maniples
  - Legion terdiri daripada 4000 hingga 6000 orang.
8. Menggunakan orang kasar untuk menyerang musuh-musuh Rom

#### **C Kesimpulan ( 2 markah )**

1. Rom bangkit sebagai empayar yang kuat meliputi benua Asia, Afrika dan Eropah.

**4 Bincangkan faktor – faktor perkembangan sistem ekonomi kapitalisme di Eropah Barat dari abad ke-15 hingga abad ke-18 Masihi.**

**A. Pengenalan ( 3 Markah )**

1. Pengertian ekonomi secara umum dan ekonomi kapitalisme
2. Perkembangan ekonomi di Eropah dari sistem barter ke pengenalan dan perkembangan sistem ekonomi kapitalisme.

**B. Faktor Perkembangan Sistem Ekonomi Kapitalisme ( 7 X 3M = 21 Markah )**

1. Gerakan Renaissance dan Gerakan Reformasi - Perkembangan aliran pemikiran individualisme, humanisme, sekularisme dan rasionalisme telah melemahkan peranan agama – masyarakat urban mendorong kepada kelahiran sistem ekonomi kapitalisme melalui aktiviti pinjaman, pelaburan dan pertukaran wang.
2. Fahaman Calvinisme - membenarkan amalan riba dengan tujuan menggalakkan masyarakat bekerja keras - negara Protestan mengenyepikan Canon Law - pedagang membebaskan diri daripada kawalan paderi dan peraturan lama.
3. Kemunculan negara bangsa - berlumba – lumba untuk mengumpulkan kekayaan – kempen penjelajahan dan penerokaan - pemerintah membiayai dan memberikan galakan kepada aktiviti tersebut.
4. Dasar merkantilisme - Revolusi perdagangan melalui campurtangan kerajaan negara – negara bangsa menggalakkan pertumbuhan kekayaan dalam negara - kerajaan mengadakan dasar melindungi pelabur dan pedagang tempatan – pengenalan akta dan peraturan seperti Akta Perantis 1563, Undang – undang kemiskinan 1600, Akta Perkapalan 1650.
5. Dasar Kolonialisme - membawa kepada koloni ke atas kawasan di timur dan Amerika Latin - memperluaskan lagi sistem ekonomi kapitalisme - kekayaan koloni mengalir ke Eropah.
6. Perkembangan institusi kewangan - memberi kemudahan pinjaman dan kredit - membolehkan pedagang dan pelabur membuat pelaburan modal dengan membesarkan perniagaan - lahir golongan kapitalisme yang terdiri daripada pemilik kilang, tuan tanah dan pengusaha lombong - Keluarga Fuggers dan Ausgurg dan keluarga Medici
7. Penubuhan syarikat – syarikat perdagangan - Peranan SHTI dan VOC - kedudukan yang kukuh, membolehkan syarikat menyediakan kemudahan perdagangan - mendapatkan perlindungan ketenteraan.
8. Revolusi Pertanian – mengubah perkembangan ekonomi Eropah – era ekonomi feudal kian ditinggalkan – penggunaan teknologi dan bekalan buruh yang murah – membangunkan ekonomi Eropah

**C. Kesimpulan ( 1 Markah )**

1. Apa – apa yang berkaitan

## 5 Bincangkan objektif-objektif pendidikan formal yang dipraktikkan dalam tamadun manusia.

### A. Pengenalan ( 3 Markah )

1. Pendidikan berbentuk formal adalah berkait rapat dengan pembukaan masyarakat yang kian bertambah kompleks. Berbagai-bagai institusi telah diwujudkan untuk memenuhi keperluan masyarakat dan pemerintahan. Antaranya ialah tempat ibadat, istana, guru, sekolah, kolej dan universiti. Walaupun terdapat banyak perbezaan dari segi organisasi dan perlaksanaanya tetapi dapatlah dikenal pasti beberapa objektif yang menggariskan pembentukannya, iaitu keperluan agama, sistem kerajaan dan pemerintahan, masyarakat dan sebagainya.

### B. Objektif-objektif Pendidikan Formal

1. **Objektif agama** – Di Mesir soal pendidikan adalah di bawah pengawalan pegawai kerajaan dan golongan Paderi. Para pelajar dididik untuk kerja perkeranian dan perkhidmatan keagamaan sebagai paderi-paderi. Objektif itu serupa dengan Mesopotamia di mana kegiatan intelektual dan pendidikan berpusat di perpustakaan yang biasanya terdapat sebuah kuil. Di tamadun India, agama ialah puca kesemua aktiviti termasuk pemikiran falsafah, perundangan, politik dan pendidikan. Dalam tradisi pendidikan Islam pada zaman Abbassiyah, objektif agama dan sekular adalah nyata. Objektif agama termasuk pengkajian al – Quran sebagai asas pertumbuhan ilmu, disiplin moral dan spiritual.
2. **Kerajaan Dan Kewarganegaraan** – Pendidikan dikaitkan dengan hal pengendalian hal politik dan kerajaan demi kepentingan pentadbiran dan birokrasi, penyertaan warganegara dalam proses kerajaan, hal ketaatsetiaan rakyat terhadap raja dan negara dan hal pertahanan. Objektif pendidikan untuk keperluan pentadbiran dan birokrasi berkait dengan tujuan memberikan suatu asas untuk memperkukuhkan kerajaannya serta mengekalkan keharmonian masyarakat dan ketaat setiaan kepada raja dan negara. Manifestasi ini adalah jelas di tamadun China awal terutamanya pada zaman Dinasti Han dan Tang. Fahaman Confucius telah menjadi satu ideologi politik dan asas kurikulum pendidikan China untuk memupuk segolongan gentry yang akan menyokong dan memperkukuhkan kedudukan Maharaja China. Perlantikan pegawai-pegawai untuk perkhidmatan birokrasi adalah berasaskan suatu sistem peperiksaan yang berteraskan pendidikan Confucius.

Pendidikan untuk warganegara adalah jelas di negara kota Yunani. Perkembangan demokrasi yang memuncak semasa pemerintahan Pericles, sistem pendidikan di Athens adalah bertujuan mewujudkan hubungan yang lebih erat antara warganegara dan Acropolis supaya mereka hidup untuk kepentingan negara kota mereka. Objektif pendidikan juga termasuk melengkapi seseorang individu dengan sifat – sifat yang membolehkan ia memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada politik negara kota Athens. Dua disiplin ditekankan, iaitu dialectic dan rhetoric yang akan menjadi seorang individu lebih lancar dan bijak.

- 3. Pendidikan Dan Pertahanan** - Satu contoh yang jelas sekali ialah sistem pendidikan di negara kota Sparta. Di Sparta sistem pemerintahan adalah untuk menguatkan kerajaan orang-orang Sparta tulen untuk mengawal rapat orang tawanan (Helots) yang dijadikan hamba kepada orang Sparta. Golongan hamba ini amat besar jumlahnya jika dibandingkan dengan penduduk Sparta. Orang Sparta berasa khuatir bahawa Helots mengancam mereka dan melakukan pemberontakan.

Pendidikan bercorak ketenteraan menekankan setiap kanak-kanak Sparta dikenakan latihan tentera serta dikenakan disiplin yang ketat dan hidup di barek tentera terpisah daripada ibubapa. Latihan tentera adalah kurikulum utama sistem pendidikan Sparta untuk melahirkan sifat ketenteraan dan disiplin untuk pertahanan mereka daripada ancaman Helots.

- 4. Pendidikan Berkaitan Dengan Manusia Dan Masyarakat (Humanisme)** - Pada akhir Zaman Pertengahan di Eropah, fokus baru tertumpu pada manusia, fakulti-fakultinya, hal ehwal masyarakat, aspirasi-aspirasi sedunia manusia dan hal kebajikannya. Pendidikan Theologi dan agama Kristian tidak diterima lagi oleh kerana tidak membayangkan realiti keadaan baru yang berkembang di Eropah khususnya Itali. Pada masa itu masyarakat telah berubah, perdagangan diperluaskan dan kehidupan dibandaraya menjadi lebih signifikan. Kuasa ekonomi dan politik tidak lagi terletak di tangan tuan Feudal dan Gereja tetapi diambil alih oleh borjuis yang hidup di bandaraya.

### **C. Kesimpulan**

1. Objektif-objektif yang menggariskan institusi-institusi pendidikan adalah mementingkan agama, kerajaan dan pentadbiran, pertahanan dan humanisme. Objektif-objektif itu boleh dianggap sebagai prinsip-prinsip sejagat yang dapat mempengaruhi kebangkitan dan organisasi pendidikan di dalam tamadun-tamadun awal manusia.

**6 Usaha-usaha pelayaran yang dilakukan oleh pelayar Barat semenjak abad 15 telah meninggalkan impak yang besar dalam tamadun manusia. Bincangkan.**

**A. Pengenalan ( 3 Markah)**

- Sejarah penerokaan dan penjelajahan oleh orang Portugal
- Faktor – faktor yang menggalakkan penjelajahan dan penerokaan barat (3 G)

**B. Kesan – kesan Pelayaran ( 7/10 x 3 markah = 21 Markah)**

**1. Memperluaskan Tanah Jajahan**

- Berjaya memperluaskan kuasa tanah jajahannya di luar Eropah.
- Di Benua Asia, Portugal telah menubuhkan empayar maritim yang menguasai jalan luar di Lautan Hindi, Asia Tenggara sehingga negeri China.

**2. Perdagangan Di Asia**

- Didominasi oleh Portugal melalui satu jalinan pusat kuasa dan perdagangan di pelabuhan – pelabuhan strategik seperti Socotra, Hormuz, Aden, Goa, Melaka, Moluccas dan Macao
- Abad 16 muncul sebagai kuasa perdagangan yang dominan – di Asia Tenggara, di Timur Jauh dengan Jepun dan China dan di Eropah

**3. Perkembangan Agama Kristian Luar Eropah**

- Penaklukan dan pemerintahan diikuti dengan penyebaran agama kristian terutamanya oleh golongan Franciscan.
- Melalui Gereja Katolik, unsur – unsur kebudayaan Sepanyol diperkenalkan kepada orang – orang tempatan.

**4. Pengaliran Kekayaan Ke Eropah.**

- Berikutan daripada penjelajahan Columbus, orang – orang Sepanyol mulai menduduki beberapa kawasan di Hindia Barat, iaitu Hispaniola dan Cuba dengan bermotif memperolehi tanah untuk pertanian dan emas
- Herman Cortes merampas Mexico daripada Aztec - kaya dengan emas dan tanah untuk perladangan
- 1531, Pizarro menakluki Peru yang kaya dengan perak

**5. Perpindahan Pusat Perdagangan Ke Eropah Barat.**

- Pusat perdagangan di Eropah yang dahulunya bertapak di Eropah selatan mulai berpindah ke Eropah Barat, iaitu Lisbon, Bordeix, Liverpool, Bristol dan Amsterdam

**6. Kelahiran Ekonomi Kapitalisme.**

- Kekayaan dari koloni yang mengalir ke Eropah mendorong kelahiran ekonomi kapitalisme
- Bermula dengan revolusi komersil yang menitik beratkan pasaran eksport, modal persendirian, Keuntungan dan penindasan tenaga buruh murah

**7. Kesan Sosial Ke Atas Masyarakat Eropah Dan Koloni.**

- Di Eropah - meningkatkan kadar kos kehidupan – meluaskan lagi jurang perbezaan sosial
- Di koloni- penularan penyakit baru - kenaikan kadar kematian orang tempatan.

**8. Mempercepatkan Kerosotan Pengaruh Pedagang Islam.**

- Penguasaan perdagangan di Laut Mediterranean dan Lautan Hindi oleh pedagang Islam telah merosot kesan daripada penerokaan kuasa Eropah terutamanya Portugis.

**9. Perubahan Ekologi**

- Pengenalan spesies baru flora dan fauna dari Asia dan Eropah diperkenalkan ke Amerika Utara dan Selatan dan sebaliknya, misalnya jagung, tomato, ubi kentang dan ayam.

**10. Asimilasi Antara Penjajah Dengan Penduduk Tempatan**

- Berlakunya kahwin campur antara penjajah dengan penduduk tempatan contohnya di Amerika Selatan dan Filipina, bahasa sepanyol mempengaruhi penduduk tempatan.

**C. Kesimpulan (1 markah)**

1. Penjelajahan dan penerokaan yang dilakukan telah memberi kesan yang besar terutama aspek ekonomi di negara Barat.



## **7 Jelaskan ciri – ciri kesenian China tradisional dan ciri - ciri kesenian Islam**

### **A. Pengenalan ( 3 Markah – Impression )**

1. Latar belakang perkembangan kegiatan kesenian China – bermula zaman Dinasti Shang.
2. Latar belakang perkembangan kesenian tamadun Islam – bermula zaman Nabi Muhammad s.a.w.

### **B. Kesenian China Tradisional ( 5 X 2M = 10 Markah )**

1. Bertalian dengan kelas bangsawan – zaman Chao - berkait rapat dengan istana – zaman Dinasti Han – berkembang di bawah naungan golongan elit
2. Bertujuan mencapai keharmonian dengan syurga - berkait rapat dengan upacara keagamaan dan konsep pengorbanan - bidang kesenian termasuklah penghasilan mangkuk, tembikar putih, kaligrafi, dan patung.
3. Objektif kesenian China mencerminkan pemahaman terhadap dunia semula jadi melalui seni lukis mengenai permandangan alam ( landscape painting ), buluh, burung dan bunga. Unsur ini merupakan aspek Taoisme – metafizikal dalam seni lukis China.
4. Peringkat awal tamadun China - mempunyai unsur moral dan etika - seni adalah satu saluran untuk menggambarkan sifat – sifat sesuatu objek dengan aliran perasaan manusia - seni lukis ini banyak ditemakan dalam cara kehidupan golongan.
5. Kesenian China jarang menggambarkan aspek – aspek peperangan, kekerasan dan kematian – bersifat simbolik - bercorak spesifik seperti buluh melambangkan sifat semangat dan jiwa seorang sarjana, jed melambangkan unsur ketulenan dan keabadian dan naga yang mewakili kewibawaan maharaja
6. Mengabadikan peristiwa penting dalam kerajaan China - contohnya Ibnu Battutah dalam pelayaran ke China, terdapat gambaran / ilustrasi wajahnya
7. Melambangkan perbezaan antara kelas masyarakat.

### **C. Kesenian Tamadun Islam ( 5 X 2M = 10 Markah )**

1. Bertalian rapat antara agama dan kesenian - menghasilkan sesuatu yang indah - menjadi fitrah manusia. Konsep keindahan yang lahir akan menimbulkan rasa gembira, menyenangkan, memuaskan dan dihargai.
2. Gambaran unsur moral seperti membentuk akhlak yang baik serta dikehendaki umat Islam menjauhi sifat – sifat negatif - penerapan unsur – unsur keadilan dan kesamarataan sesama manusia - berpaksikan akidah, akhlak dan niat dengan tujuan mendapatkan keredaan Allah.

3. Sumbangan yang amat besar dalam kehidupan manusia terutamanya dalam bidang seni bina Islam dengan mendirikan bangunan, reka bentuk dan reka letak sesebuah bangunan - masjid dianggap sebagai lambang ketinggian teknologi seni bina Islam dan kecintaan umat Islam terhadap Allah seperti pembinaan Masjid Suriah dan Masjid Umawi
4. Seni bina Islam begitu penting kerana ia boleh melambangkan kegemilangan tamadun Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w, zaman para sahabat, kerajaan Bani Umaiyyah dan kerajaan Bani Abbasiyah serta kerajaan Turki – Uthamaniyyah. Kesenian Islam banyak terdapat dalam seni bina bangunan masjid, madrasah, istana, pasar dan rumah.
5. Kesenian Islam memperkuatkan semangat tauhid dan takwa kepada Allah s.w.t - bertujuan mengagungkan Pencipta menerusi keindahan hasil – hasil kesenian seperti seni kaligrafi Islam yang menggunakan ayat – ayat suci Al-Quraan. Ukiran – ukiran menonjolkan imej geometri, seni khat, bentuk hiasan alam semula jadi ( tidak bernyawa ). Seni Islam tidak terlalu abstrak; senang difahami.
6. Kebanyakan hasil kesenian seperti seni bina, seni lukis, seni ukir dan seni muzik adalah berlatarbelakangkan konsep kesatuan akidah - Unsur kesenian Arab ini amat jelas seperti mana yang diamalkan pada zaman kerajaan bani Umaiyyah dan bani Abbasiyah
7. Seni muzik diizinkan sekiranya tidak meampai batas / melekakan.

**D. Kesimpulan ( 2 Markah )**

1. Ciri utama yang menggariskan perbezaan kesenian China dan kesenian Islam adalah dari segi konsep dan amalannya. Kesenian China mempunyai hubungan yang rapat dengan keperluan golongan tertentu misalnya kepada raja, bangsawan yang menggariskan keperluan moral dan etika Confucius. Manakala unsur kesenian Islam adalah menjurus kepada mentauhidkan Allah s.w.t sebagai pencipta.

## **8. Bandingkan konsep ketahanan dan pertahanan tamadun barat dengan konsep ketahanan dan pertahanan tamadun Islam.**

### **A. Pengenalan (3 Markah)**

1. Tamadun Islam - zaman kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. sehingga sekarang
2. Tamadun Barat - zaman pertengahan di Eropah - bermula selepas keruntuhan Empayar Rom
3. Dalam tamadun Islam, isu ketahanan dan pertahanan bermula sejak dari zaman Nabi Adam as

### **B. Perbandingan Konsep Ketahanan dan Pertahanan ( 4 x 5Markah = 20 markah )**

#### **1. Pengertian ketahanan**

Tamadun Islam

- Ketahanan umat Islam yang utama terletak pada akidah dan syariah.
- Juga merangkumi aspek fizikal termasuklah jasmani, persiapan alat senjata atau kelengkapan perang
- Juga menekankan kepada ilmu, sama ada ilmu ketenteraan atau ilmu agama.

Tamadun Barat

- Ketahanan dan kecekalan yang mencakupi dua unsur, iaitu fizikal dan rohani
- Fizikal - pembentukan jasmani dan ketenteraan
- Rohani - aspek agama, moral, dan jiwa. Ketahanan yang kuat datangnya dari ilmu pengetahuan, pengalaman, kecekapan pelaksanaan.

#### **2. Pengertian pertahanan.**

Tamadun Islam

- Merujuk kepada langkah kedua yang berbentuk praktikal bagi melaksanakan dasar-dasar ketahanan untuk membendung kehormatan dan keutuhan agama, masyarakat, dan
- Langkah bagi membela mereka yang lemah atau golongan yang dizalimi
- Individu muslim wajib mempertahankan diri, agama, masyarakat, dan negara jika diancam oleh pihak musuh.

Tamadun Barat

- Usaha untuk mempertahankan diri, masyarakat, dan negara daripada ancaman pihak musuh

#### **3. Etika peperangan.**

Tamadun Islam

- Menetapkan etika dan peraturan ketika berperang- bermatlamatkan perdamaian

Tamadun Barat

- Tidak menekankan nilai-nilai moral dan akhlak – bermatlamatkan kebendaan

#### **4. Matlamat peperangan**

Tamadun Islam

- Wajib mempertahankan negara, maruah diri dan agama

Tamadun Barat

- Berbeza mengikut peringkat- zaman gelap - bangsawan kerana ingin menguasai wilayah-wilayah
- Zaman moden awal- faktor agama - membawa kepada berlakunya Perang Salib
- Zaman moden ( abad 16 M ) -ingin mengukuhkan kedudukan dan imej sesebuah negara

### **C. Kesimpulan (2 markah)**

- Islam lebih mementingkan aspek akhirat, barat lebih menekankan kepentingan duniawi.

**9 Huraikan peringkat-peringkat dakwah Nabi Muhammad s.a.w. di Makkah dan intipati ajaran yang disampaikan oleh baginda s.a.w.**

**A. Pengenalan ( 3 Markah )**

1. Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan dalam keluarga ternama masyarakat Quraisy iaitu keturunan bani Hashim.
2. Baginda dilantik menjadi rasul pada 610M.
3. Seruan Islam dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat Sirriah (tersembunyi) dan peringkat Jahriah (terbuka)

**B. Peringkat-Peringkat ( 3X 3M = 9 Markah )**

1. **Seruan secara sulit** – Seruan peringkat ini dimukakan setelah Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu yang kedua iaitu surah al-Muddasthir:1-7. Baginda mula menjalankan kegiatan dakwahnya secara sulit kepada keluarga dan sahabat-sahabat terdekat baginda. Baginda menjalankan dakwah secara sulit selama tiga tahun. Pada peringkat ini agama Islam diterima oleh sebilangan kecil penduduk Makkah.
2. **Rumah al-Arqam dijadikan sebagai markas gerakan Islam** – Dengan adanya sambutan tersebut Nabi Muhammad s.a.w. telah mencari pusat gerakan bagi mempertingkatkan lagi perkembangan Islam. Al-Arqam telah bermurah hati menyerahkan rumahnya untuk dijadikan sebagai pusat gerakan agama Islam. Di samping keluarga Nabi dan sahabat-sahabatnya, agama Islam telah diterima oleh golongan miskin dan hamba.
3. **Seruan terbuka kepada keluarga Abdul Mutalib** – Nabi Muhammad s.a.w. menjemput keluarga Abdul Mutalib menghadiri satu perjumpaan yang diatur oleh Ali b. Abi Talib. Tindakan ini dilakukan setelah Nabi menerima wahyu dari surah ash-Shua'ra ayat 214. Satu perjumpaan telah diadakan di Bukit Safa. Setelah baginda menerangkan dasar-dasar Islam, sebahagian daripada mereka menyatakan kesanggupan menerima Islam. Manakala sebahagian lagi menolak, terunamanya Abu Lahab.
4. **Seruan secara terbuka kepada orang ramai** – Apabila turun wahyu dari surah al-Hijr ayat 94. Dakwah secara terang-terangan ini telah membawa kepada penentangan kaum Musyrikin Makkah terhadap agama Islam. Seruan secara terbuka ini berlangsung selama 10 tahun sehinggalah baginda berhijrah ke Madinah.

**C. Intipati Ajaran ( 6 X 2M = 12 Markah )**

1. **Tauhid** – Ajaran aqidah menyeru ke arah penyembahan Tuhan Yang Maha Esa. Ajaran monoteisme ini menolak segala bentuk amalan syirik atau penyembahan tuhan-tuhan sampingan menyembah berhala dan alam persekitaran.
2. **Rukun Iman** – Ajaran tentang aqidah juga menyentuh mengenai rukun Iman seperti mempercayai adanya malaikat-malaikat, kitab-kitab Allah, para rasul serta Qadar dan Qadar.
3. **Konsep keadilan** – Manusia diberikan balasan yang setimpal di Akhirat mengikut amalan di dunia.

4. **Kehidupan selepas mati** – iaitu mempercayai kewujudan Hari Pembalasan, Syurga dan Neraka, Titian Sirat dan sebagainya.
5. **Meninggalkan akhlak mazmumah** – Dari Aspek akhlak Nabi menggesa umat manusia agar meninggalkan perbuatan-perbuatan keji seperti membunuh berzina, mencuri, merompak, menindas dan sebagainya.
6. **Mengamalkan akhlak mahmudah** – Nabi menggesa manusia supaya berakhlak mulia dan terpuji seperti amanah, jujur, ikhlas dan sebagainya.
7. **Ibadah** – Merupakan amalan khusus seperti solat, puasa, membaca al-Quran, berzikir dan sebagainya.
8. **Sejarah umat terdahulu** – sebagai teladan dan panduan.

**D. Kesimpulan ( 1 Markah )**

1. Apa sahaja yang sesuai.

## **10 Bincangkan kejayaan Nabi Muhammad S.A.W sebagai pemimpin dalam negara Islam Madinah**

### **A. Pendahuluan (3 Markah)**

- Latarbelakang Nabi Muhammad s.a.w
- Penghijrahan dan penubuhan Negara Islam Madinah
- Riwayat Hidup Nabi Muhammad s.a.w

### **B. Isi - Kejayaan Rasulullah S.A.W Dalam Pelbagai Bidang (5/5 X 4 Markah = 20 Markah)**

#### **1. Nabi Seorang Pemimpin Politik**

- Baginda menentuai bagi pihak orang Islam Makkah dalam perjanjian Aqabah I dan II
- Kejayaan menubuhkan negara Islam, dilantik dan diiktiraf menjadi ketua negara Islam Madinah.
- Juga berperanan sebagai ketua hakim
- Penggubalan perlembagaan – sebagai undang-undang negara
- Melumpuhkan Yahudi sebagai pengkhianat Negara melalui perundangan
- Mengadakan hubungan diplomatik

#### **2. Nabi Sebagai Perancang Ekonomi.**

- Memperkenalkan prinsip ekonomi Islam berlandaskan syariah – konsep keadilan dan pengagihan kekayaan saksama
- Merancang dan melaksanakan projek ekonomi - pertanian dan perdagangan
- Penghapusan monopoli Yahudi dalam ekonomi
- Muncul ahli korporat Islam dan Madinah muncul sebagai pusat perdagangan utama

#### **3. Nabi Sebagai Pemimpin Masyarakat**

- Pengenalan konsep Ummah- berjaya menyelesaikan masalah persengketaan antara kaum Aus dan Khazraj
- Menyelesaikan masalah antara kaum Arab dengan Yahudi di Madinah
- Mengatasi masalah ekonomi Muhajirin melalui persaudaraan Muhajirin dan Ansar
- Memartabatkan kedudukan wanita

#### **4. Nabi Sebagai Pemimpin Tentera Yang Berjaya.**

- Mengasaskan penubuhan tentera Islam
- Menerapkan konsep jihad – perjuangan berlandaskan akidah
- Kejayaan merancang strategi dan taktik serta memeterai perjanjian dengan musuh
- Kejayaan yang terbesar ialah dalam Perang Badar, Khandak dan pembukaan Kota Makkah.
- Perangsang kepada kejayaan umat Islam membina empayar serta mengatasi Rom dan Parsi pada zaman-zaman berikutnya.

#### **5. Pemimpin Agama**

- Dengan berpandukan al Quran, menjelaskan pelbagai aspek sama ada dalam soal ibadat, kekeluargaan, jinayat, siasah dan sebagainya.
- Segala tindakan biasanya ditunjukkan dengan contoh dan amali agar difahami oleh umat Islam
- Nabi sebagai contoh teladan umat sejagat
- Kejayaan menyebarkan agama – penghantaran utusan sebagai pendakwah

### **C. Kesimpulan (1 Markah)**

- Nabi s.a.w dianggap sebagai role model membuktikan Nabi Muhammad s.a.w seorang negarawan yang unggul

**11. Huraikan kepentingan Perang Badar kepada golongan yang terlibat dengan peperangan tersebut.**

**A. Pengenalan (3 Markah)**

1. Konsep perang/jihad dalam Islam.
2. Latar belakang Perang Badar.
3. Peristiwa Perang Badar

**B. Kepentingan Perang Badar(7 ISI X 3M = 21 Markah)**

1. Menjadi titik pemisah antara yang hak dan batil.
  - Membuktikan Islam di pihak yang benar. Kemenangan Perang Badar amat penting seperti yang dipohon oleh baginda dalam doa. Allah menolong dengan menurunkan tentera malaikat.
2. Perang Badar juga adalah dugaan yang paling besar kepada umat Islam.
  - Walaupun kali pertama berperang, dengan bilangan mereka terlalu sedikit, berbanding pihak Musyrikin Mekah dengan nisbah 1:3. Menunjukkan kualiti lebih utama daripada kuantiti.
3. Menguntungkan umat Islam kerana pengaruh Musyrikin Mekah semakin merosot.
  - Kaum Musyrikin Mekah kehilangan ramai pahlawan yang handal seperti Abu Jahal, Utbah bin al-Rabiah dll.
4. Menjadi rangsangan kepada umat Islam bagi menghadapi tentangan daripada pihak Musyrikin.
  - Memperkukuhkan lagi keimanan mereka dan meningkatkan keyakinan kepada Allah s.w.t.
5. Kekalahan pihak Musyrikin Mekah ini juga menyebabkan mereka tidak lagi menjadi kuasa yang teragung di Semenanjung Tanah Arab.
  - Mula meragui kebenaran kepercayaan warisan nenek moyang dan memikirkan kesahihan ajaran Islam.
6. Menekankan konsep ihsan dan musyawarah dalam perhubungan sesama manusia.
  - Contohnya dalam menguruskan orang tawanan dan harta rampasan perang secara adil.
7. Bermulanya konsep jihad fisabilillah di medan peperangan bagi menjaga maruah agama, umat Islam dan negara Islam. Peperangan diteruskan juga walaupun berlaku di bulan Ramadhan.
8. Mengajar kepada umat Islam mengenai etika peperangan.
9. Membuktikan Rasulullah s.a.w. sebagai pemimpin agung.
10. Kebijaksanaan Rasulullah s.a.w sebagai perancang strategi peperangan.
11. Pentingnya nilai-nilai sabar takwa dan tawakal dalam menghadapi dugaan dan cabaran.
12. Mengutamakan aspek pendidikan
13. Pengusiran Yahudi Bani Qainuqa' kerana memperlekehkan kemenangan Islam.
14. Musuh Islam semakin cemburu dan berdendam dengan Islam.
  - Tercetus beberapa siri peperangan lain seperti Perang Uhud, Perang Ahzab dll.
15. Musyrikin Quraisy berazam untuk memusnahkan Islam

**C. Kesimpulan (1 Markah)**

Apa-apa berkaitan.

***\*Jawapan calon hendaklah merangkumi kepentingan perang kepada umat Islam dan Musyrikin Makkah.***

## **12. Jelaskan peranan Baitulmal dan pelaksanaannya pada zaman kerajaan Bani Umayyah.**

### **A. Pengenalan ( 3 Markah )**

1. Pengertian Baitulmal
2. Sejarah penubuhan dan perkembangan Baitulmal hingga zaman pemerintahan Bani Umayyah

### **B. Kepentingan Penubuhan Baitulmal ( 5 X 2M = 10 Markah )**

1. Bertanggungjawab secara langsung menentukan pendapatan negara dan mengagihkannya secara adil kepada mereka yang berhak dan untuk pembangunan negara seluruhnya.
2. Memberi kemakmuran kepada umat Islam - lambang penyertaan setiap individu yang berada dengan mengeluarkan zakat, sedekah, wakaf, dan sebagainya untuk mengatasi masalah kemiskinan.
3. Peranan seterusnya ialah untuk membina infrastruktur dan pelaburan di dalam aktiviti – aktiviti sosial, perdagangan, dan perindustrian.
4. Kepentingan seterusnya ialah menyediakan keperluan – keperluan asas bukan sahaja untuk tujuan pembangunan negara bahkan ia merupakan tanggungjawab dari sudut kebajikan.
5. Membayar gaji pegawai kerajaan dan tentera yang berkhidmat secara tetap ataupun sukarela.
6. Mempertingkatkan pendapatan umat Islam melalui pinjaman subsidi dan mengeluarkan biasiswa untuk keperluan pelajar Islam.

### **C. Pelaksanaan Baitulmal Zaman Bani Umayyah ( 5 X 2M = 10 Markah )**

1. Pelaksanaan Baitulmal pada zaman Bani Umayyah sebagaimana zaman Khulafa al Rasyidin - sumber – sumber kewangan - kharaj, jizyah, zakat, usyur, al fayy, dan ghanimah.
2. Perbezaannya ialah kini sumber jizyah bukan sahaja diperoleh daripada golongan kafir dhimmi bahkan ia juga dikenakan ke atas golongan Mawali.
3. Fungsi Baitulmal pada zaman ini sama juga sebagaimana zaman sebelumnya, namun ia lebih berfokuskan menjayakan rancangan pembangunan negara dan kebajikan rakyat.
4. Khalifah al Walid telah menggunakan sumber Baitulmal bagi menggalakkan perkembangan industri
5. Digunakan untuk membiayai tentera laut - menjayakan ekspedisi ketenteraan khususnya - Khalifah al Walid - bertapak dalam dan luar Tanah Arab seperti Andalus.
6. Khalifah Umar Abdul Aziz, langkah berjimat cermat telah diwujudkan, - program pembangunan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat - kekurangan sumber – harta peribadi disumbang

### **D. Kesimpulan ( 2 Markah )**

1. Apa – apa yang berkaitan



**13. Bincangkan faktor – faktor kemunculan Aceh sebagai pusat keilmuan Islam pada abad ke-15 Masihi**

**A. Pengenalan ( 3 Markah )**

1. Latar belakang kerajaan Aceh dan kemunculan pemimpin berwibawa
2. Peranan Aceh sebagai pusat tamadun Islam di Alam Melayu pada abad ke-15 Masihi

**B. Faktor – faktor Kemunculan Aceh Sebagai Pusat Keilmuan Islam ( 7 X 3M = 21 Markah )**

1. Peranan pemerintah - inisiatif mengembangkan ilmu pengetahuan – istana dijadikan pusat pengajian Islam terutamanya untuk keluarga di raja dan golongan bangsawan - memberi galakan dalam bidang intelektual Islam- menubuhkan balai gadang dianggotai oleh para ulama.
2. Kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi - perluasan wilayah membolehkannya muncul sebagai pusat perdagangan - pemerintah memberi tumpuan kepada perkembangan sistem pendidikan dan intelektual.
3. Hubungan diplomatik - kemasukan kitab agama dan para ulama - kemudahan dan perlindungan kepada para ulama luar menetap di Aceh – Muhammad al Yamani
4. Sistem pendidikan – kewujudan tiga peringkat pendidikan yang sistematik - menjadi tumpuan penduduk di Nusantara – digelar Serambi Makkah
5. Peranan ulama luar - Sheikh Abdul Qadir, Nuruddin al Raniri banyak membantu perkembangan intelektual di Aceh – menjadi tenaga pengajar di Jamiah Bait al Rahman – menghasilkan karya yang bermutu termasuk karya sastera bercorak tasawwuf
6. Kelahiran ulama tempatan - Kesan daripada perkembangan sistem pendidikan di Aceh- menghasilkan penulisan bercorak keagamaan, politik dan sejarah - Hamzah Fansuri, Shamsuddin al – Sumaterani dan Bukhari al Jauhari
7. Peranan bahasa Melayu - bahasa penulisan intelektual - tahap lingua franca - perkembangan tulisan jawi membolehkan karya dari Asia Barat diterjemah ke dalam bahasa Melayu.
8. Iklim intelektual yang bebas - menggalakkan polemik dan menyuburkan ilmu pengetahuan – polemik antara fahaman Wahadatul Wujud dengan Wahdatul Syuhud.
9. Kejatuhan Melaka - peranan Aceh semakin berkembang di Nusantara - menggantikan tempat Melaka sebagai pelabuhan perdagangan dan pusat perkembangan ilmu ketika itu.

**C. Kesimpulan ( 1 Markah )**

1. Apa – apa yang berkaitan

**14. Huraikan sumbangan Ibnu Taimiyah dan gerakan reformasi yang berlaku pada abad ke-13 Masihi.**

**A. Pengenalan ( 3 Markah )**

1. Latar belakang – Nama lengkapnya ialah Ahmad Taqiyuddin Abu Abbas bin Syihabuddin Abdul Mahasin Abdul Halim bin Syeikh Majduddin Abil Barakat Abdussalam bin Abi Muhammad Abdillah bin Abi Qasim al-Khadhar bin Muhammad bin al-Khadhar bin Ali bin Abdillah. Ibnu Taimiyah ialah seorang ahli teologi bermazhab Hanbali. Beliau dilahirkan di Haran pada 10 Rabiulawal 661 H bersamaan 22 Januari 1263 M. Ibnu Taimiyah dalam sejarahnya kemudian menjadi orang yang alim besar, banyak pengetahuannya dalam fikah Madzhab Hanbali dan juga dalam ilmu Usuluddin. Beliau mengajar di Masjid Bani Umawi, Damsyik dan mempunyai ramai murid.

**B. Sumbangan-Sumbangan ( 7 X 3M = 21 Markah )**

1. Membersihkan unsur-unsur pemikiran Yunani yang terdapat dalam ilmu tauhid.
2. Membenters unsur-unsur syirik dan bidaah seperti menziarahi kubur-kubur keramat dan mendewa-dewakan orang tertentu.
3. Mengecam golongan tasawuf Wujudiyah yang mengemukakan teori bahawa Tuhan dan alam termasuk manusia adalah satu.
4. Kitab-kitab karangan – Kitab al-Sarim al- Maslul 'ala Shatim al-Rasul, kitab al-Siasah al-Shar'iyah, Fatwa Misryah dan lain-lain.
5. Pemikiran beliau dalam bidang politik dapat dikaji dari bukunya Minhaj as-Sunnah an-Nabawiyah fi naqdh Kalam as-Syi'ah wal Qadariyah (Jalan Sunnah Nabi dalam pemyangkalan terhadap keyakinan Syi'ah dan Qadariyah), As-Siyasah as-Syar'iyah (Sistem Politik Syari'ah), Kitab al-Ikhriyaratul 'Ilmiyah dan Al-Hisbah fil Islam.
6. Mempertahankan Aliran Salaf iaitu tidak percaya pada metod logik akal. Sebaliknya beliau berpegang al-Quran dan hadis. Bagi beliau tak ada pertentangan antara cara memakai dalil naqli yang shahih.
7. Ajaran-ajaran beliau mmjadi asas kepada gerakan reformasi agama Islam seperti gerakan Wahabi di Tanah Arab dan sebagainya.

**C. Kesimpulan ( 1 Markah )**

1. Apa sahaja yang sesuai.

**15. Jelaskan tujuan penjelajahan dan penerokaan dalam tamadun Islam dengan mengemukakan contoh - contoh yang sesuai.**

**A. Pengenalan ( 3 Markah )**

1. Konsep penjelajahan dan penerokaan mengikut pandangan Islam
2. Sejarah dan tokoh pelayarann umat Islam

**B. Tujuan Penjelajahan dan Penerokaan Tamadun Islam ( 7 X 3M = 21 Markah )**

1. Dorongan al Quran sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud, "Katakanlah berjalanlah di mukabumi, maka perhatikan bagaimana Allah s.w.t. menciptakan ( manusia ) dari permulaannya. Kemudian Allah s.w.t. menjadikannya sekali lagi" ( al Ankabut: 20 - menambahkan keimanan dan ketaqwaan terhadap Allah s.w.t.
2. Mengambil iktibar ke atas masyarakat terdahulu di samping menghayati peninggalan tamadun Islam. Sebagai contohnya, umat Islam akan insaf apabila melihat peninggalan kaum Thamud dan 'Ad serta Laut Mati ekoran tindak tanduk manusia yang ingkar terhadap ajaran-Nya.
3. Penglibatan dalam aktiviti ini membolehkan umat Islam melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti perdagangan - bersesuaian dengan sifat masyarakat Arab yang memang suka belayar. Pertapakan Islam di Alam Melayu menjadi bukti bahawa pedagang turut memainkan peranan secara tidak langsung menyebarkan Islam selain memberikan tumpuan kepada aktiviti perdagangan.
4. Penyebaran agama Islam - usaha dakwah melalui aktiviti ini berlangsung bukan sahaja kerana utusan para pemerintah semenjak zaman Rasulullah s.a.w. bahkan kerana inisiatif pendakwah - pendakwah sendiri, misalnya Syeikh Abdul Aziz berjaya mengislamkan Melaka dan sekumpulan wali berjaya mengislamkan Pulau Jawa.
5. Meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang geografi, astronomi, dan pelayaran. Selepas wilayah kekuasaan dan agama Islam berkembang di China dan India pengetahuan umat Islam mengenai bumi kian bertambah. Lantaran itu, muncul beberapa tokoh yang terkenal seperti al Istakhri, al Mas'udi, Ibnu Hawqal, al Idrisi dan sebagainya.
6. Membawa kepada kemajuan dalam bidang perubatan khususnya pada zaman Bani Umayyah dan Bani Abbasiyah. Banyak ilmu perubatan umat Islam ditimba terutamanya daripada orang - orang asing seperti Parsi, Kristian, Yahudi, Yunani, India dan Mesir. Kesannya, ilmu perubatan Islam lahir daripada integrasi antara teori - teori perubatan Yunani dan pengalaman bangsa Parsi dan India.

7. Memperkukuhkan politik Islam terutamanya setelah berjaya dalam kempen atau ekspedisi ketenteraan. Pada zaman Bani Umayyah sewaktu pemerintahan Khalifah al Walid bin Abdul Malik, Islam telah berjaya bertapak di sempadan China, India, Asia Tengah, utara Afrika, dan Sepanyol.
8. Memenuhi perasaan ingin tahu khususnya tempat yang jauh dari petempatan mereka. Contohnya, Ibnu Battutah berjaya merentasi pelbagai perairan antarabangsa untuk memenuhi cita – citanya. Antara kawasan yang dijelajahnya ialah Maghribi, Algeria, Tunisia, Libya, Makkah, Selatan Iraq, Anatolia, Yaman, Afrika Timur, Turki, China, India, dan Alam Melayu. Bagi al Mas’udi pula, tujuan pelayarannya adalah untuk menandingi pencapaian tamadun Yunani.

**C. Kesimpulan ( 2 Markah )**

1. Aktiviti penjelajahan dan penerokaan dalam tamadun Islam telah memberikan nafas baru dalam proses perkembangan intelektual dan pembangunan kemasyarakatan serta peningkatan ekonomi umat Islam. Melalui penjelajahan dan penerokaan juga, umat Islam kini bukan sahaja terhad kepada bangsa Arab, bahkan ia telah diterima oleh pelbagai bangsa hatta bangsa Eropah.

## 16. Bandingkan konsep manusia mengikut pandangan Arab Jahiliyah dan Islam.

### A. Pengenalan ( 3 Markah )

1. Pandangan ahli sosiologi tentang manusia
  2. Pandangan Barat tentang manusia – Teori Evolusi dan kelemahannya
- B. Perbandingan Konsep Manusia

### Pandangan Arab Jahiliyah ( 5 X 2M =10 Markah )

1. Antara pandangan Arab Jahiliyah berhubung dengan manusia pula ialah golongan ini percaya akan wujudnya suatu kuasa yang agung yang menciptakan mereka, namun mereka enggan mengkajinya sebaliknya hanya menggunakan akal fikiran yang dipengaruhi oleh hawa nafsu untuk mencipta serta menyembah Tuhan – tuhan mereka. Oleh sebab itulah, maka pada zaman ini muncul pelbagai agama seperti penyembahan berhala, penyembahan api, penyembahan cakerawala dan sebagainya.
2. Selain itu, ada kalangan mereka menghargai dan mendewa – dewakan kuasa alam sekitar, sehinggakan timbul tanggapan bahawa adanya Tuhan Lelaki, Tuhan Perempuan, Tuhan Baik dan Tuhan Jahat. Bagi penganut agama penyembahan cakerawala, mereka mendakwa kononnya bulan mendakwa Tuhan Perempuan manakala Tuhan Lelaki merujuk kepada matahari.
3. Mereka juga percaya adanya Tuhan, namun tidak beriman kepada Tuhan Yang Esa, kerana enggan terikat dengan suatu bentuk kepercayaan yang dikatakan mengongkong kehidupan mereka.
4. Masyarakat ini percaya adanya kelahiran dan keturunan tetapi tidak tahu asal usul manusia di sisi Tuhan, begitu juga soal kematian namun tidak percaya adanya hidup selepas mati dan akhirat.
5. Selain itu bagi masyarakat sebelum islam ini, manusia dicipta di dunia hanyalah untuk berseronok – seronok ; dengan lain perkataan hidup mereka tiada matlamat.
6. Masyarakat ini juga hanya menghargai kehidupan diri dan sesama suku dan kabilah, enggan campur tangan dengan suku ataupun kabilah lain.
7. Ciri - ciri kemanusiaan Arab Jahiliyah terpancar dalam bidang kehidupan mereka, yang dikaya disanjung sedangkan orang miskin dihina. Oleh sebab itulah, maka mereka amat menentang ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. iaitu konsep persamaan taraf dan persaudaraan.

### Pandangan Islam ( 5 X 2M =10 Markah )

1. Manusia berasal daripada tanah yang diistilahkan sebagai *al tin, al turab, al salsal, dan al hama*. Terdapat *dalil nakhli* yang menunjukkan keadaan ini, antaranya firman Allah yang bermaksud:  
“Antara tanda – tanda kebesaran Allah, ia menciptakan kamu daripada tanah ( al turab )”  
[Surah al Rom (20)]

2. Ulama menyatakan terdapat empat peringkat penciptaan manusia, iaitu pada peringkat awalnya Allah akan menghimpunkan semua unsur, diikuti unsur – unsur tersebut diadun menjadi sejenis tanah, kemudian diadun sekali lagi seterusnya dikeringkan sehingga berubah warna. Sebatian tadi kemudian diadun sekali lagi agar merupai manusia dan dikeringkan sekali lagi. Proses yang terakhir ialah Allah akan meniupkan roh agar dapat bernyawa dan bergerak.
3. Pun begitu, hanya Nabi Adam yang melalui proses sebegini ( terus dari tanah ), kerana manusia seterusnya dijadikan daripada titisan air mani; pun begitu ia juga berasal dari sebatian tanah hasil makanan yang dimakan oleh manusia, hal ini turut diakui oleh ahli sains dan teknologi barat.
4. Para ulama juga bersepakat mengatakan terdapat tujuh proses pembentukan bayi dalam rahim atau kandungan, iaitu *nutfah* ( air mani ), *alaqah* ( segumpal darah ), *mudghah* ( seketul daging ), *'izan* ( tulang ), tulang dibalut daging, lembaga yang lengkap ( jasad ), dan roh yang diberikan nyawa.
5. Manusia yang sempurna kemudiannya dilengkapi dengan jasad ( tubuh badan ), roh iaitu yang menggerakkan jasad, akal agar manusia berfikir dengan berpandukan wahyu, nafsu ( musuh akal ), mahukan yang enak dan lazat sahaja dan hati yang menjadi penentu sama ada akal atau nafsu yang menguasai manusia
6. Terdapat hikmat ataupun kelebihan Allah menciptakan manusia daripada tanah, antaranya memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan keadaan mukabumi kelak, menyedarkan manusia agar tidak angkuh serta bekerja sama antara satu sama lain bai menunaikan tanggungjawab sebagai khalifah serta memakmurkan mukabuni ini dengan berpandukan syariat-Nya.
7. Di antara tanggungjawab utama manusia di muka bumi ini ialah menjadi khalifah di muka bumi ini; menjadi tuan, pemerintah, pemilik dan pengguna ke atas segala kejadian di muka bumi sama ada di darat, laut dan udara sebagaimana yang dinyatakan dalam al Quran dan agar mereka beriman serta bertaqwa kepada Allah yang menjadikan mereka pelbagai bangsa dan warna kulit.

#### **D. Kesimpulan ( 2 Markah )**

1. Sememangnya pandangan Barat lebih kepada suatu ideologi atau sentimen golongan atheis atau orientalis yang sememangnya bersikap anti ajaran sebarang agama khususnya agama Islam. Sementara bagi perspektif Jahiliyah pula, amnya kehidupan masyarakat ini kehidupan bercirikan primitif dari sudut pandangan atau ukuran Islam.